

BULETIN METEOROLOGI PERTANIAN 10 HARI
DEKAD KEDUA MAC 2019
(11hb– 20hb Mac 2019)

PENDAHULUAN

Bermula 19 Mac 2019, negara telah mula memasuki fasa peralihan monsun yang dijangka berterusan sehingga pertengahan bulan Mei 2019. Secara klimatologinya, negara akan mengalami tiupan angin dari pelbagai hala dengan kelajuan yang lemah dan seterusnya boleh mempertingkatkan aktiviti perolakan berlaku pada waktu petang. Semasa musim peralihan, ribut petir beserta hujan lebat dan angin kencang lazimnya berlaku dalam jangka masa yang singkat terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan negeri-negeri pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah dan tengah Sarawak. Untuk dekad ini, lebih separuh stesen-stesen meteorologi utama mencatatkan bacaan yang melebihi purata bagi semua pencerapan suhu, sinaran solar dan sejatan kecuali pencerapan hujan pada dekad ini adalah di bawah paras purata.

HUJAN

Pada dekad ini, amnya beberapa tempat di Semenanjung Malaysia dan Sarawak telah merekodkan anomali hujan lebih 60% di bawah purata. Hanya satu dua tempat di Perak dan Selangor serta di Sabah (Sandakan dan Lahad Datu) merekodkan anomali hujan lebih 60% di atas purata dan pada paras purata.

Merujuk kepada Rajah 2, amnya di Semenanjung Malaysia dan Sarawak telah mengalami keadaan cuaca yang sedikit kering dengan jumlah hujan adalah kurang dari 30mm kecuali di beberapa kawasan seperti di Lubok Merbau dan LKM Hilir Perak (Perak), Mardi Klang (Selangor), Mersing (Johor) dan Sibu (Sarawak) dengan jumlah hujan antara 30 hingga 55mm. Manakala di lima buah stesen iaitu Kota Bharu dan Kuala Krai (Kelantan), Kuala Terengganu dan Mardi Jerangau (Terengganu) serta Bintulu (Sarawak) tiada hujan direkodkan. Pada dekad ini, taburan hujan lebih tertumpu di negeri Sabah terutamanya di Sandakan dengan jumlah hujan tertinggi pada dekad ini, 150mm beserta tiga hari hujan. Manakala hujan harian tertinggi di Sandakan dicatatkan pada 20 Mac 2019 dengan bacaan 147.2mm.

Berdasarkan Indeks Hujan Piawai pada Rajah 3, semua tempat di Malaysia mencatatkan indeks yang normal untuk Mac 2019. Hanya stesen Sitiawan (Perak), Batu Pahat (Johor), Kuantan (Pahang) dan Kapit (Sarawak) mencatatkan indeks sangat kering manakala stesen Langkawi (Kedah), Kota Bharu (Kelantan), Kuching, Sibu dan Miri (Sarawak) mencatatkan indeks yang kering.

SUHU


Secara umumnya, kawasan-kawasan tanah rendah di Malaysia merekodkan suhu di atas paras normal dengan nilai sisihan terbesar +3.5 °C dicatatkan di Subang dan Petaling Jaya (Selangor). Merujuk kepada Rajah 4 dan Rajah 5, kebanyakan kawasan tanah rendah di Malaysia menerima purata suhu harian dekad antara 26.8 hingga 30.9°C. Pada dekad ini, stesen auksiliari Charok Padang (Kedah) telah merekodkan suhu tertinggi iaitu 38.4° C pada 16 Mac yang lalu. Manakala suhu terendah iaitu 19°C pula direkodkan di Kuala Krai (Kelantan). Purata suhu harian yang direkodkan di stesen tanah tinggi Cameron Highlands pula adalah 20.1°C dengan nilai suhu yang terendah dan tertinggi masing-masing adalah 14.8 °C dan 25.3 °C. Sisihan daripada purata bagi kawasan ini adalah 1.8 °C bagi tempoh ini.

SEJATAN


Secara umumnya, kebanyakan stesen merekodkan kadar sejatan harian melebihi purata terutamanya di Chuping dengan nilai sisihan daripada purata terbesar +2.9mm. Hanya stesen Alor Setar (Kedah), Mersing (Johor), Miri dan Bintulu (Sarawak) merekodkan bacaan kurang dari purata dengan nilai sisihan terbesar daripada purata -1.5mm direkodkan di Bintulu. Berdasarkan Rajah 6, rata-rata tempat di Semenanjung dan Sabah merekodkan bacaan sejatan dari 5.5 hingga 6.5mm. Manakala satu dua tempat di Johor, Pahang dan Sarawak pula merekodkan bacaan yang kurang dari 4.8mm. Terdapat juga stesen yang mencatatkan bacaan melebihi 6.5mm iaitu di Kuala Terengganu dan Chuping dengan nilai sejatan masing-masing 7mm dan 8.1mm. Manakala stesen tanah tinggi Cameron Highlands pula mencatatkan bacaan sebanyak 3mm.

SINARAN SOLAR


Pada dekad ini, semua stesen utama meteorologi mencatatkan sinaran solar di atas paras purata terutamanya stesen Senai (Johor) dengan nilai sisihan tertinggi +5.8MJm⁻² melebihi purata. Berdasarkan Rajah 7, secara amnya Malaysia merekodkan purata harian sinaran suria dari 20 hingga 24MJm⁻² dengan bacaan tertinggi 24.9MJm⁻² direkodkan di Kuala Terengganu. Di bahagian barat Sarawak pula, bacaan sejatan adalah kurang dari 18 MJm⁻² dengan bacaan terendah 17 MJm⁻² dicatatkan di Kuching. Manakala stesen tanah tinggi Cameron Highlands pula mencatatkan bacaan sebanyak 21.4MJm⁻².




Rajah 1: Anomali Hujan




Rajah 2 Jumlah Hujan




Rajah 3 Indeks Hujan Piawai (Mac 2019)




Rajah 4: Suhu Purata Minimum



Rajah 5: Suhu Purata Maksimum



Rajah 6: Kadar Sejatan



Rajah 7: Sinaran Solar

Disediakan oleh:
Pusat Iklim Nasional
Jabatan Meteorologi Malaysia
20-Apr-19